

15 FEB 2001

Dompok-Penggiliran

UPKO SEDIAKAN LAPORAN TERPERINCI SISTEM PENGGILIRAN KM SABAH

IPOH, 15 Feb (Bernama) -- Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) akan menyerahkan laporan terperinci kepada Perdana Menteri minggu depan berhubung pendirian parti itu mengenai sistem penggiliran bagi jawatan Ketua Menteri Sabah, kata presidennya Tan Sri Bernard Dompok hari ini.

Beliau berkata walaupun pendapat secara lisan mengenai perkara itu telah diberikan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam di pejabat beliau, satu laporan bertulis juga akan diserahkan.

"Kami (UPKO) sedang mencari satu penyelesaian, tentang baik buruk (sistem penggiliran itu)," kata Dompok kepada pemberita di sini selepas melancarkan laporan "Penerbitan Petunjuk Ekonomi Malaysia-Indeks Pelopor, Serentak dan Susulan untuk November 2000", di sini.

Beliau berkata anggota parti itu berminat untuk melihat Barisan Nasional Sabah menyelesaikan masalah di negeri itu seperti yang dibayangkan oleh Perdana Menteri yang memperkenalkan sistem penggiliran itu pada Mac 1994 bagi jawatan Ketua Menteri.

Dompok, yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri, berkata sistem itu dipekenalkan bagi menyelesaikan masalah negeri, tetapi kini parti mahu melihat jika masalah di Sabah boleh diselesaikan jika sistem penggiliran bagi jawatan Ketua Menteri dihapuskan.

Mengenai pendapat yang disampaikan semalam kepada Perdana Menteri, beliau berkata : "Saya tidak boleh beritahu...ini adalah sesuatu kami mahu PM timbangkan sebelum kami bincangkannya dengan media."

Para pemimpin komponen parti Barisan Nasional Sabah semalam menemui Dr Mahathir secara individu di pejabatnya bagi menyatakan pendapat mereka mengenai sistem penggiliran itu.

Selain Dompok, Dr Mahathir juga berjumpa Presiden Parti Progresif Sabah Datuk Yong Teck Lee, Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah Tan Sri Joseph Kurup, Presiden Angkatan Keadilan Rakyat Sabah Datuk Pandikar Amin Mulia, Presiden Parti Demokratik Liberal Datuk Chong Kah Kiat dan Ketua Menteri Sabah Datuk Osu Sukam yang juga Ketua Perhubungan Umno Sabah.

Penggal dua tahun Osu berdasarkan sistem penggiliran itu tamat 13 Mac ini.

Sistem penggiliran dicadangkan oleh Dr Mahathir semasa kempen pilihan raya negeri 1994 yang membolehkan jawatan ketua menteri digilirkan di kalangan masyarakat bumiputera Islam, bumiputera bukan Islam dan Cina, masing-masing untuk tempoh dua tahun.

-- BERNAMA

HK RHM MAI